

# **Memorandum**

**Mengembalikan Penggunaan Bahasa Ibunda Sebagai  
Bahasa Pengantar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran  
Sains Dan Matematik Di Sekolah Rendah**

**Kepada**

**Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin  
Timbalan Perdana Menteri Malaysia  
Merangkap Menteri Pelajaran Malaysia**

**Daripada**

**Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia  
Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia  
Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia  
Malaysian Seven Major Clans Association  
Gabungan Alumni Universiti Taiwan Malaysia  
Persekutuan Persatuan-Persatuan Alumni Sekolah China Malaysia  
Nanyang University Alumni Association Of Malaya**

**26 Mei 2009**

# **Mengembalikan Penggunaan Bahasa Ibunda Sebagai Bahasa Pengantar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Di Sekolah Rendah**

## **(1) Pendahuluan**

Pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) mulai tahun 2003 hingga sekarang telah mendapat bantahan daripada pelbagai kaum. Pertubuhan-pertubuhan daripada pelbagai kaum telah banyak kali menyuarakan perasaan tidak puas hati terhadap kesan-kesan negatif yang timbul di bawah dasar ini. PPSMI merupakan satu masalah serius yang dihadapi oleh semua kaum, kerana PPSMI ini telah mengingkari prinsip pendidikan bahasa ibunda dan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Kami dengan tulus ikhlasnya mengemukakan memorandum ini untuk rujukan dan pertimbangan Yang Amat Berhormat Tan Sri agar kerajaan membatalkan pelaksanaan PPSMI, dan mengembalikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Bersama-sama ini, kami turut menyeru kerajaan mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris pelajar dengan memperbaiki kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris itu sendiri.

## **(2) Masalah Yang Ditimbulkan Oleh PPSMI**

Keberkesanan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar telah diakui dan diiktiraf oleh pakar-pakar pendidikan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Sekiranya bahasa asing yang murid-murid kurang biasa dijadikan bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik, sudah pasti menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dengan teruk sekali.

Di negara kita, beberapa laporan telah mengesahkan bahawa PPSMI yang dilaksanakan sejak tahun 2003 membawa kesan negatif di semua aliran sekolah rendah, sama ada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) mahupun Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil):-

- ① Kongres Pendidikan Melayu Ke-2 yang dianjurkan pada bulan Mac 2005, secara lantang menunjukkan bahawa kira-kira 500 ribu orang pelajar Melayu akan keciciran dalam Sains dan Matematik akibat kegagalan menguasai bahasa Inggeris. Maka, lebih ramai lagi kanak-kanak akan menjadi mangsa sekiranya kerajaan tetap meneruskan dasar PPSMI yang mengingkari prinsip pendidikan bahasa ibunda dan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.
- ② Kajian yang dijalankan pada tahun 2005 dan 2006 oleh Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong) menunjukkan bahawa formula “2-4-3” yang dilaksanakan pada Tahap I di SJK(C) bukan sahaja menjejaskan pembelajaran Sains dan Matematik, bahkan juga menjejaskan tahap penguasaan murid-murid terhadap bahasa Cina akibat jumlah waktu pengajaran bagi mata pelajaran yang disampaikan dalam bahasa Cina dikurangkan. Pelaksanaan formula “6-2-3-2” dalam Tahap II juga menimbulkan masalah-masalah seperti yang berlaku dalam Tahap I. Misalnya, 5 waktu yang diperuntukkan bagi mata pelajaran Sains yang menggunakan bahasa Cina sebelum ini telah dikurangkan kepada 3 waktu, manakala 2 waktu lagi diperuntukkan untuk mengajar Sains dalam bahasa Inggeris, ini menyebabkan mata pelajaran Sains tidak dapat dihabiskan mengikut sukatan pelajaran yang ditetapkan, dan seterusnya menjejaskan pembelajaran murid-murid.
- ③ Yayasan Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Tamil Malaysia telah menerbitkan sebuah buku berjudul “*The Cry : The Implications of Teaching Maths and Science in English in Tamil Schools*” bagi menunjukkan bahawa dasar PPSMI yang dilaksanakan di SJK(T) meningkatkan kadar keciciran di kalangan murid-murid India, dan membawa implikasi negatif kepada pembangunan sosio-ekonomi masyarakat India. Kira-kira 85% murid-murid India di SJK(T) berasal daripada keluarga miskin dan SJK(T) merupakan tempat bagi mereka untuk memperolehi pendidikan asas. Murid-murid India di SJK(T) menghadapi masalah keciciran di bawah dasar PPSMI akibat kegagalan menguasai bahasa Inggeris, ini bukan sahaja menafikan peluang masyarakat India untuk mempertingkatkan tahap pendidikan dan memperbaiki taraf hidup, malah memudaratkan lagi masalah kemiskinan kaum India.

- ④ Kajian yang dijalankan oleh pasukan penyelidik seramai 50 orang pensyarah dari 7 buah universiti (UPM, UiTM, UPSI, USM, UUM, UMS dan UTM) dengan seliaan Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA) di 90 buah sekolah rendah (murid Darjah 5) di seluruh negara menunjukkan bahawa PPSMI gagal memberikan manfaat kepada pelajar, khususnya pelajar-pelajar Melayu di sekolah kebangsaan luar bandar.
- ⑤ Selain itu, dapatan kajian yang dibuat oleh Profesor Emeritus Dato' Isahak Haron dari UPSI (Januari 2008) terhadap 1703 orang murid Darjah 5 di 28 buah sekolah rendah dan 1692 orang guru juga hampir sama dengan kajian yang dibuat oleh PEMBINA, iaitu, PPSMI tidak mendatangkan manfaat kepada pelajar.

### **(3) Pandangan Dan Cadangan Kami**

Pada tahun 2008, Kementerian Pelajaran telah lima kali mengadakan Persidangan Meja Bulat PPSMI bagi mendapatkan input pelbagai pihak terhadap hala tuju dasar PPSMI. Pada hakikatnya, kebanyakan pertubuhan-pertubuhan daripada pelbagai kaum seperti Persekutuan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah China Malaysia (Dong Zong), Gabungan Persatuan Guru-Guru Sekolah Cina Malaysia (Jiao Zong), Majlis Permuafakatan PIBG Nasional, Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Permuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA), Persatuan Linguistik Malaysia, para pensyarah universiti-universiti tempatan, bekas pegawai-pegawai tinggi Kementerian Pelajaran dan wakil parti-parti politik pemerintah dan pembangkang yang hadir dalam persidangan-persidangan tersebut turut bersama-sama menyeru kerajaan mengembalikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar bagi mata pelajaran Sains dan Matematik di semua aliran sekolah rendah di samping meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris melalui mata pelajaran Bahasa Inggeris itu sendiri.

Berdasarkan maklum balas daripada pelbagai pihak, khasnya kaji selidik pertubuhan-pertubuhan pendidikan pelbagai kaum dan ahli-ahli akademik, jelas sekali menunjukkan bahawa dasar PPSMI telah membawa kesan negatif yang mendalam kepada semua aliran sekolah rendah, terutamanya menjejaskan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, kerana dasar ini langsung mengingkari prinsip pendidikan bahasa ibunda dan prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa.

Selain itu, mengikut Akta Pendidikan 1996, bahasa pengantar utama bagi Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil masing-masing ialah bahasa kebangsaan, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Oleh itu, pelaksanaan dasar PPSMI bertentangan dengan peruntukan Akta Pendidikan 1996 dan jaminan kerajaan tidak mengubah bahasa pengantar utama ketiga-tiga aliran sekolah rendah tersebut. Pada hakikatnya, dasar PPSMI telah menjejaskan kebolehpercayaan kerajaan dan menimbulkan perasaan tidak puas hati rakyat pelbagai kaum di negara kita.

Kami dengan tegasnya membantah pelaksanaan dasar PPSMI di sekolah rendah. Sehubungan itu,

1. Kami menyeru kerajaan memansuhkan dasar pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
2. Kami menyeru kerajaan mengembalikan dengan segera penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, iaitu pengajaran, pembelajaran dan peperiksaan mata pelajaran Sains dan Matematik dijalankan dalam bahasa kebangsaan di Sekolah Kebangsaan dan dalam bahasa Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan dalam bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
3. Kami bersetuju supaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai satu mata pelajaran tersendiri diperkukuhkan dan dipertingkatkan di semua sekolah. Kami menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris di kalangan rakyat, tetapi ia perlu dilaksanakan berdasarkan kurikulum, tenaga pengajar, bahan-bahan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris, supaya betul-betul menepati prinsip pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kami menyeru kerajaan mengambil tindakan serius untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk memastikan pelajar kita dapat menguasai bahasa Inggeris dengan lebih baik. Selama ini, sebahagian pelajar kita terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar, tidak

fasih berbahasa Inggeris walaupun bahasa ini telah diajarkan kepada mereka selama 11 tahun dari Darjah 1 hingga Tingkatan V. Masalah inilah yang sepatutnya diselesaikan oleh kerajaan, bukannya mengubah kepada dasar PPSMI, lalu menimbulkan masalah yang tidak patut timbul.

#### **(4) Penutup**

Pendidikan adalah satu aspek yang penting dalam agenda pembangunan negara. Memandangkan dasar PPSMI telah menimbulkan pelbagai masalah dan kesan negatif kepada semua aliran sekolah rendah, maka, sekiranya kerajaan tetap meneruskan dasar PPSMI, bukan sahaja lebih ramai lagi kanak-kanak akan menjadi mangsa, malah juga akan melemahkan mutu pendidikan negara, dan akhirnya menjejaskan pembangunan dan daya saing negara di dunia sejagat.

Dengan tulus ikhlasnya kami menyampaikan memorandum ini dan besarlah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Tan Sri memandangkan serius pandangan dan cadangan kami untuk mengembalikan penggunaan bahasa ibunda sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik di semua aliran sekolah rendah.

## **LAMPIRAN:**

### **“Cadangan-Cadangan Pertubuhan-Pertubuhan Cina Utama Untuk Menyelesaikan Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Pendidikan Aliran Bahasa Cina ”**

#### **(1) Pendahuluan**

Selain daripada isu Pengajaran Dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI), selama ini pendidikan aliran bahasa Cina juga menghadapi pelbagai masalah yang menyebabkan perkembangannya tersekat. Bersama-sama ini, dengan tulus ikhlasnya kami mengemukakan cadangan-cadangan untuk pertimbangan dan tindakan Yang Amat Berhormat Tan Sri, supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh pendidikan aliran bahasa Cina sekian lama ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

#### **(2) Cadangan-Cadangan Kami**

##### **2.1 Cadangan Melaksanakan Satu Sistem Perancangan Dan Pembinaan Sekolah Yang Munasabah Bagi Semua Aliran Sekolah**

Kami menyeru kerajaan mengkaji semula dan meminda garis panduan perancangan sekolah serta mengadakan satu sistem pembinaan sekolah bagi semua aliran sekolah dengan menyediakan tanah rizab sekolah dan peruntukan pembangunan untuk membina sekolah mana-mana aliran yang diperlukan oleh penduduk-penduduk di setiap kawasan perumahan.

##### **2.2 Cadangan Memberi Peruntukan Kewangan Secara Adil Kepada Sekolah Kerajaan Dan Sekolah Bantuan Kerajaan**

Selama ini, hak milik tapak sekolah, iaitu sama ada dimiliki oleh kerajaan atau lembaga pengurus sekolah telah dijadikan ukuran untuk memberi peruntukan kewangan kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Kami berpendapat bahawa dasar sedemikian adalah tidak munasabah, kerana telah menyebabkan sekolah bantuan kerajaan tidak diberi bantuan kewangan yang sewajarnya. Sebenarnya tidak kira sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan, semuanya merupakan sekolah yang dikendalikan oleh kerajaan, dan telah diberi tanggungjawab yang sama, iaitu melahirkan modal insan untuk pembangunan negara. Maka, kerajaan seharusnya memberi layanan yang samarata kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

Kami menyeru kerajaan memberi peruntukan kewangan secara adil kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan berdasarkan bilangan murid dan keperluan sebenar masing-masing supaya tidak ada mana-mana sekolah yang diketepikan dalam arus pembangunan negara.

### **2.3 Cadangan Mewujudkan Pelan Latihan Perguruan Yang Sempurna Dan Menyeluruh Untuk Menyelesaikan Masalah Kekurangan Guru Terlatih Di SJKC**

Kami menyeru kerajaan mewujudkan satu pelan latihan perguruan yang sempurna dan menyeluruh secara profesional, telus dan sistematik untuk melahirkan guru terlatih yang mencukupi berdasarkan mata pelajaran yang diperlukan supaya masalah kekurangan guru terlatih di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang telah berlarutan berpuluh-puluh tahun dapat diatasi dengan sepenuhnya.

Untuk tujuan tersebut, kami bercadang supaya kerajaan menerima Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah Menengah Persendirian Cina sebagai salah satu kelayakan untuk melanjutkan pelajaran di Institusi Pendidikan Guru atau jurusan pendidikan perguruan di universiti-universiti awam tempatan, agar lebih banyak calon yang berkualiti diberi peluang untuk dilatihkan sebagai guru SJKC.

### **2.4 Cadangan Memberi Peruntukan Kewangan Tahunan Dan Mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama Sekolah Menengah Persendirian Cina**

Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) merupakan institusi pendidikan bukan keuntungan (*non-profit*), dan selama ini telah melahirkan banyak tenaga manusia untuk masyarakat dan negara kita. Oleh itu, kami menyeru kerajaan memperuntukkan bantuan kewangan berdasarkan bilangan murid kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina dalam Belanjawan Negara setiap tahun.

Kami juga menyeru kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate, UEC*) Sekolah Menengah Persendirian Cina dan menerima sijil tersebut sebagai salah satu kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pendidikan guru.

### **2.5 Cadangan Menetapkan Kuasa Pengelolaan Lembaga Pengelola SJK(C) Serta Mengumumkan Peraturan-Peraturan Pendidikan Berkenaan Lembaga Pengelola SJK(C) Di Bawah Akta Pendidikan 1996**

Lembaga Pengelola SJK(C) telah banyak berjasa kepada pembangunan negara, sumbangan mereka tidak boleh dinafikan. Tambahan pula, kedudukan dan kuasa pengelolaan telah termaktub dalam Akta Pendidikan, maka, kuasa pengelolaan lembaga pengelola adalah sah dalam perundangan dan tidak boleh diragui.

Walaupun Akta Pendidikan 1996 telah berkuatkuasa selama 10 tahun, tetapi hingga hari ini, peraturan-peraturan pendidikan berkenaan lembaga pengelola di bawah Akta Pendidikan 1996 masih belum diumumkan. Ini menyebabkan masyarakat Cina bimbang kuasa lembaga pengelola akan dinafikan oleh pihak berkuasa.

Kami menyeru kerajaan menetapkan kuasa pengelolaan Lembaga Pengelola SJK(C) serta mengumumkan peraturan-peraturan pendidikan berkenaan Lembaga Pengelola SJK(C) dengan segera untuk mengelakkan timbulnya sebarang kekeliruan.



### **(3) Penutup**

Besarliah harapan kami agar sudilah kiranya Yang Amat Berhormat Tan Sri mengambil prihatin dan memberi pertimbangan yang sewajarnya terhadap cadangan-cadangan kami. Semoga di bawah pimpinan dan usaha Yang Amat Berhormat Tan Sri, masalah-masalah yang dihadapi oleh pendidikan aliran bahasa Cina sekian lama ini dapat diselesaikan dengan sepenuhnya, dan seterusnya membangunkan negara kita sebagai pusat pendidikan yang berkualiti dan bertaraf tinggi yang mampu menjadi contoh kepada negara-negara serantau.